



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 7 OKTOBER 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4.	9,000 VETEREN, ANGGOTA ATM TERIMA BAKUL MAKANAN, NASIONAL, BH -6 KIRA-KIRA 9,000 WARGA ATM TERIMA BANTUAN MINDEF PRIHATIN, BH -ONLINE PROGRAM AGROPRENEUR MUDA BANTU 7,571 USAHAWAN MUDA: MAFI, SH -ONLINE PENGURUSAN SMART SBB TERATUR, LOKAL, HM -7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5. 6. 7.	PPM RAMPAS 1,980 EKOR AYAM HIDUP, NEGERI KELANTAN, SH -28 SELUDUP 1,980 AYAM HIDUP DARI THAILAND, LOKAL, HM -19 AYAM THAILAND MURAH PUNCA AKTIVITI SELUDUP, NEGARA, KOSMO -8	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
8. 9. 10. 11. 12. 13.	CENDAWAN REZEKI MUSIM PANDEMIK, NASIONAL, BH -15 KEBUN KITA SEDIAKAN PETANI AKSES PASARAN, NIAGA, KOSMO -38 IKAN YU PAUS TARIK PERHATIAN, DALAM NEGERI, UM -31 KERAJAAN KELANTAN DIRAYU BANTU PARA PENIAGA PASAR TANI DAN PASAR MALAM, NEGERI KELANTAN, HAKAKAH -24 DAKWAAN VAKSIN AGENDA YAHUDI TIDAK BERASAS, KELANTAN, HAKAKAH -H11 PENYELIDIK UPM TEMUI VAKSIN CEGAH PNEUMONIA BIRI-BIRI, KAMPUS, HAKAKAH -F7	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/10/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	6

## 9,000 veteran, anggota ATM terima bakul makanan

**Kuala Lumpur:** Kira-kira 9,000 warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terdiri daripada anggota dan veteran ATM di seluruh negara menerima bakul makanan di bawah Program Kementerian Pertahanan (MINDEF) Prihatin sejak dilancarkan Julai lalu.

Menteri Kanan Pertahanan,

Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata kejayaan program itu turut mendapat kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yang menyahurkan bantuan kepada 1,500 anggota ATM.

Beliau dalam kenyataannya berkata, kerjasama ini amat

bermakna kerana dapat membantu Kementerian membela kebajikan anggota, veteran ATM dan warga awam MINDEF berdepan cabaran COVID-19.

Penerima sumbangan terdiri daripada 375 warga awam MINDEF dan 1,125 anggota ATM dari Markas ATM, Tentera Darat Ma-

laysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) khususnya yang berada di dalam kategori sebagai asnaf serta B40.

Sumbangan meliputi bahan keperluan asas seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan produk industri makanan disumbangkan FAMA.

Hishammuddin berkata, MINDEF sebelum ini turut menerima sumbangan bakul makanan daripada beberapa pihak termasuk Bank Islam Malaysia Bhd (Bank Islam), Banri-Bantu Malaysia serta Koperasi Tentera dan Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/10/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Kira-kira 9,000 warga ATM terima bantuan MINDEF Prihatin



Hishammuddin (tengah) dan Ronald (kanan) bergambar dengan warga ATM pada Program MINDEF Prihatin di MINDEF hari ini. FOTO TWITTER

KUALA LUMPUR: Kira-kira 9,000 warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terdiri daripada anggota dan veteran ATM di seluruh negara menerima bakul makanan di bawah Program Kementerian Pertahanan (MINDEF) Prihatin sejak dilancarkan Julai lalu.

Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata kejayaan program

itu turut mendapat kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yang menyalurkan bantuan kepada 1,500 anggota ATM.

Beliau berkata, kerjasama ini amat bermakna kerana dapat membantu kementerian itu membela kebajikan anggota, veteran ATM dan warga awam MINDEF berdepan cabaran COVID-19.

"Saya merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Datuk Seri Dr Ronald Kiandee atas kesudian menjalinkan kerjasama dengan MINDEF bagi menjayakan Program MINDEF Prihatin hari ini," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Penerima sumbangan terdiri daripada 375 warga awam MINDEF dan 1,125 anggota ATM dari Markas ATM, Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) khususnya yang berada di dalam kategori sebagai asnaf serta B40.

Sumbangan meliputi bahan keperluan asas seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan produk industri makanan disumbangkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) melalui MAFI.

Hishammuddin berkata, MINDEF sebelum ini turut menerima sumbangan bakul makanan daripada beberapa pihak termasuk Bank Islam Malaysia Bhd (Bank Islam), Bantu-Bantu Malaysia serta Koperasi Tentera dan Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA).

"Bagi pihak MINDEF saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan dan kerjasama diberikan semua pihak dalam menjayakan program ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/10/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Program Agropreneur Muda bantu 7,571 usahawan muda: MAFI



KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah membantu seramai 7,571 usahawan muda melibatkan peruntukan RM155 juta melalui Program Agropreneur Muda yang terlibat dalam sektor pertanian dan industri makanan sejak 2016 hingga 31 Ogos 2021.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, bagi tahun ini, sejumlah RM15 juta

telah diperuntukkan untuk membantu seramai 750 usahawan muda melalui bantuan Geran Agropreneur Muda (GAM).

“Dalam program ini juga, seramai 7,400 orang telah dibantu melalui kelulusan GAM yang bernilai RM131.87 juta manakala 165 orang telah diluluskan daripada Skim Pembiayaan Agropreneur Muda (Agro-YES) melalui Agrobank dan Tekun Nasional yang berjumlah RM23.13 juta.

“Sambutan yang diberikan sangat menggalakkan dengan peningkatan penerima geran pada 2020 iaitu seramai 1,149 melibatkan peruntukan RM21.73 juta berbanding 2019 seramai 750 manakala pada 2018 seramai 785 orang,” katanya.

Beliau menjawab soalan Datuk John Ambrose yang ingin mengetahui status prestasi program-program pertanian seperti Agropreneur Muda, sambutan dan impaknya kepada rakyat Malaysia dan peratusan geran Agropreneur Muda diagihkan untuk Sabah dan Sarawak di Dewan Negara pada Rabu.

Ahmad berkata, peruntukan bantuan geran secara keseluruhannya bagi Sabah dan Sarawak adalah sebanyak RM16.91 juta atau 12.82 peratus daripada jumlah keseluruhan geran.

“Bagi 2016 hingga 2021, seramai 568 usahawan muda di Sabah telah menerima bantuan GAM manakala Sarawak melibatkan 497 usahawan muda yang menerima bantuan ini,” katanya. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/10/2021	HARIAN METRO	LOKAL	7

# Pengurusan Smart SBB teratur

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin  
am@hmetro.com.my

Mafi komited tingkatan pendapatan pesawah menerusi program lebih sistematik

## Sekelahan

**K**ementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) terus komited meningkatkan hasil pendapatan pesawah di seluruh negara dengan menggunakan pengurusan yang lebih sistematik dan teratur menerusi program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB).

Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi), Azman Mahmood berkata, inisiatif menggabungkan pesawah sebagai rakan kongsi dan syarikat peneraju sebagai pelabur itu menyasarkan peningkatan purata semasa padi iaitu daripada 3.5 tan metrik kepada 7 tan metrik. Katanya, ketika ini Malaysia bergantung kepada 30 peratus import beras dari negara luar seperti Vietnam, Thailand, India dan Kemboja.

"Industri ini (padi dan beras) amat ditekankan kerana kerajaan melabur kira-kira RM1.53 bilion dalam pelaburan menghasilkan padi



Oleh sebab itu, kita bawa 18 syarikat peneraju dengan pelaburan kira-kira RM1 bilion untuk melabur di sawah padi di seluruh negara"

Azman Mahmood

dan beras negara.

"Kalau ikut sasaran, kita dapati pesawah dalam golongan B40 dan didapati ia membabitkan pengurusan sawah itu sendiri.



PADI wangi yang ditanam peserta Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) di Tali Air 3, Sungai Burong.

"Oleh sebab itu, kita bawa 18 syarikat peneraju dengan pelaburan kira-kira RM1 bilion untuk melabur di sawah padi di seluruh negara," katanya ketika ditemui di Tali Air 3, Sungai Burong di sini, baru-baru ini.

Azman berkata, beliau memberi contoh projek perintis penanaman padi wangi di bawah FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd mendapat sambutan cukup menggalakkan daripada pesawah.

"Mereka (FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd) menyasarkan musim pertama dan musim kedua seluas kira-kira 500 hektar di Selangor dan 100 hektar di Perak," katanya.

Katanya, Padiberas Nasional Berhad (Bernas) juga terlibat dalam Smart SBB dan

ia perkembangan yang baik dalam usaha memberi manfaat kepada golongan sasaran.

"Pendapatan pesawah meningkat kerana menceburi penanaman padi wangi. Sekiranya mereka tanam padi biasa, pendapatan hanya RM 1,200 per tan metrik.

"Kalau (tanam) padi wangi, mereka mendapat RM1,540 per tan metrik, ditambah dengan RM360 subsidi khas harga padi. Maknanya mereka dapat pendapatan RM1,900.

Azman berkata, projek Smart SBB juga turut memberi pendapatan tambahan kepada pesawah dengan pengeluaran hasil seperti jerami, sekam dan beras bancur serta agro pelancongan pada masa akan datang.

"Kita mahu mereka terlibat dalam sektor agro pe-



ROSLAN lancongan di kawasan sawah padi.

"Mungkin selepas ini, akan ada hotel lima bintang dan tiga bintang serta pusat rekreasi yang dapat dimanfaatkan kepada masyarakat dan akhirnya ekonomi setempat dapat ditingkatkan,"

katanya.

Sementara itu, peserta Smart SBB, Roslan Aini, 48, bersyukur hasil padinya meningkat selepas menyertai program itu.

"Alhamdulillah, hasil padi meningkat apabila kami mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang disediakan syarikat peneraju khususnya dari segi panduan tanaman, pemantauan dan pemeriksaan sawah secara berjadual.

"Nasihat saya kepada mereka yang belum menyertai Smart SBB, banyak faedah dan kelebihan yang akan diperolehi.

"Tanaman padi merupakan tanaman masyarakat yang perlu diusahakan secara bersepadu. Jadi, inisiatif ini merupakan platform yang terbaik," katanya.



PENGUNAAN drone di kawasan sawah padi memberi manfaat dalam usaha meningkatkan hasil beras wangi.  
- Gambar NSTP/AMIRUL AIMAN HAMSUDDIN



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/10/2021	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN	28

# PPM rampas 1,980 ekor ayam hidup

Harga ayam yang mahal, tiada bekalan punca berlaku penyeludupan dari negara jiran

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN

**TUMPAT**

**P**asukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga, Pengkalan Kubor menggagalkan cubaan menyeludup masuk 1,980 ekor ayam hidup selepas menahan sebuah lori di Kampung Jubakar di sini pada Rabu.

Serbuan jam 12.30 pagi itu hasil maklumat risikan yang dilakukan oleh anggota PPM.

Timbalan Komander, PPM Wilayah Tiga, Superintendan Mohd Razlin Abdul Manaf berkata, pihaknya turut menahan pemandu lori berusia 35 tahun bagi membantu siasatan.

Menurutnya, nilai keseluruhan rampasan ayam hidup termasuk lori dianggarkan berjumlah RM160,192.

“Harga ayam yang mahal dan tiada



Mohd Razlin (kiri) memeriksa lori membawa ayam hidup seludup yang ditahan di Kampung Jubakar, Tumpat pada Rabu.

bekalan menjadi punca kepada aktiviti penyeludupan ayam hidup dari negara jiran masuk ke negeri ini.

“Setakat ini, tiga kes penyeludupan ayam hidup dari negara jiran telah berjaya ditumpaskan dengan kerjasama Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA) Kuantan,” katanya kepada pemberita di Markas PPM Wilayah Tiga Pengkalan Kubor di sini pada Rabu.

Mohd Razlin berkata, pada Jumaat lalu, pihaknya dengan kerjasama PGA telah merampas 3,480 ekor ayam hidup bernilai RM293,960 selepas menahan

dua buah lori di kawasan Pengkalan Kubor di sini.

Beliau berkata, serbuan pertama dilakukan pada jam 1 pagi di pengkalan haram Pok Leh, Tualang, manakala serbuan kedua dilakukan selang 30 minit kemudian di Simpangan.

“PPM turut menahan tiga lelaki tempatan bagi membantu siasatan.

“Kita akan terus memperketatkan lagi kawalan di perairan sempadan Malaysia-Thailand bermula dari Kuala Tak Bai sehingga ke Kubang Pak Itam, Pasir Mas,” katanya.

## Seludup 1,980 ayam hidup dari Thailand

**Tumpat:** Harga ayam tinggi di negara ini dipercayai dijadikan alasan sindiket penyeludupan cuba membawa masuk ayam hidup dari negara jiran menerusi pangkalan haram di negeri ini.

Kegiatan itu terbongkar apabila Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga, Pengkalan Kubor merampas 1,980 ayam hidup dianggarkan bernilai RM60,192 dalam sebuah lori di Kampung Jubakar, di sini, semalam.

Timbalan Komander PPM, Superintendan Mohd Razlin Abdul Manaf berkata, pihaknya yang melakukan rondaan mengesan kehadiran sebuah lori jam 12.30 tengah malam sebelum mengekori kenderaan itu.

"Kenderaan yang dipandu lelaki berusia 35 tahun itu kemudian ditahan dan hasil pemeriksaan menemui 1,980 ayam hidup dianggarkan bernilai RM60,192.

"Semua ayam hidup itu diseludup dari Thailand untuk dihantar ke pusat penyembelihan sekitar Tum-

pat, Pasir Mas dan Kota Bharu," katanya pada sidang media di Markas PPM Wilayah Tiga, Pengkalan Kubor, di sini.

Turut hadir, Pegawai Pemerintah PPM Wilayah Tiga Pengkalan Kubor, Asisten Superintendan Mohd Rudzuan Ahmad.

Mohd Razlin berkata, ia adalah rampasan kedua dalam tempoh seminggu dengan rampasan pertama membabitkan 3,480 ayam hidup bernilai RM93,960 dalam dua lori di Kampung Simpangan, pada 1 Oktober lalu.

Menurutnya, dalam rampasan berkenaan, tiga lelaki yang juga pemandu serta pekerja stor pangkalan haram berusia 30 hingga 50-an ditahan untuk membantu siasatan.

"Siasatan dibuat mengikut Seksyen 11 (1) Akta Pemeriksaan dan Kuarantin Malaysia 2011 dan kesemua ayam hidup yang dirampas diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis)," katanya.



MOHD Razlin menunjukkan lori yang digunakan seorang lelaki menyeludup ayam dari negara jiran.

## Ayam Thailand murah punca aktiviti seludup

**TUMPAT** - Kenaikan harga ayam di negeri ini yang mencecah sehingga RM10 sekilogram dipercayai menjadi antara punca berlakunya kegiatan penyeludupan bekalan tersebut dari negara jiran.

Difahamkan, harga ayam di Thailand adalah RM5 hingga RM6 sekilogram sekali gus mendorong penyeludup mengambil kesempatan membawa masuk bekalan ayam hidup ke negara ini bagi mengaut untung.

Timbalan Komander Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga, Superintendan Mohd. Razlin Abdul Manaf berkata, dalam tempoh lima hari Oktober ini, sebanyak tiga kes penyeludupan ayam hidup berjaya dipatahkan pihaknya.

Menurutnya, kejayaan itu merupakan kerjasama PPM Wilayah Tiga Pengkalan Kubor dan Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA) menerusi Ops Bersepadu di sempadan Malaysia-Thailand di negeri ini.

"Dalam tangkapan terbaharu, PPM Wilayah Tiga Pengkalan Kubor menahan sebuah lori dipandu lelaki tempatan di Jalan Jubakar di sini pada pukul 12.30 tengah malam semalam

(kelmarin).

"Pemeriksaan ke atas kenderaan itu menemui 1,980 ayam hidup bernilai RM60,192 dipercayai diseludup dari negara jiran," katanya pada sidang akhbar di Markas Taktikal PPM Wilayah Tiga Pengkalan Kubor di sini semalam.

Mengulas lanjut, Mohd. Razlin memberitahu, pemandu lori berusia 35 tahun ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 11(1) Akta Pemeriksaan dan Kuarantin Malaysia 2011.

Menurut beliau lagi, pihaknya merampas dua buah lori yang membawa 3,480 ekor ayam hidup di Pengkalan Kubor dalam operasi secara berasingan dengan Batalion 7 PGA pada 1 Oktober lalu.

"Dalam serbuan pertama, pihak kami merampas 1,980 ekor ayam hidup dan menahan tiga lelaki di pengkalan haram Pok Leh, Tualang pada pukul 1 pagi.

"Dalam serbuan kedua pula di Jalan Simpangan di sini, sebanyak 1,500 ekor ayam hidup dirampas selepas pihak kami menahan sebuah lori yang dipandu lelaki tempatan," kata beliau.



**RAZLIN** (kiri) menunjukkan lori yang digunakan untuk membawa ayam hidup seludup pada sidang akhbar di Tumpat semalam.

- ZULHANIFA SIDEK



# Cendawan rezeki musim pandemik

**Bekas pegawai perisian komputer beralih bidang kerjaya**

Oleh Mohd Rafi Mamat  
bhnews@bh.com.my

**Kuantan:** Kesukaran mencari pekerjaan baharu dalam suasana pandemik COVID-19 sejak lebih setahun lalu, mendorong seorang bekas pegawai perisian komputer mengusahakan tanaman cendawan bagi menyara kehidupan sebagai ibu tunggal.

Norita Johari, 35, graduan Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) Universiti Teknologi Malaysia (UTM), berkata beliau tidak mempunyai banyak pilihan untuk mencari rezeki ketika musim pandemik ini, sebelum memberanikan diri meneroka bidang yang berbeza sama sekali dengan apa yang pernah dipelajarinya.

Beliau mula mengusahakan

pengeluaran cendawan tiram ke- labu di Kampung Cendering dekat sini, sejak awal tahun lalu, selepas tertarik melihat kejayaan seorang rakan di Pekan, yang berjaya menjadi usahawan pembekal tanaman itu.

Katanya, tanpa pengalaman tidak menghalangnya memberanikan diri mengeluarkan modal permulaan sebanyak RM6,000 bagi mendirikan rumah simpanan serta menyediakan kira-kira 400 bongkah cendawan.

Untuk menjimatkan perbelanjaan membina rumah simpanan bongkah cendawan, saya turut sama membantu tukang menyiumun hati terasa puas apabila melihat rumah ini siap.

"Walaupun berdepan pelbagai cabaran dan dugaan, namun kini saya mula meraih hasil walaupun tidak seberapa kerana kekangan modal. Ketika ini, saya mampu mengutip di antara 10 hingga 15 kilogram cendawan tiram kelabu sehari hasil keluaran 3,500 bongkah," katanya, di sini semalam.

Norita berkata, bantuan Pejabat Pertanian Daerah Kuantan

berupa rumah simpanan dan 3,500 bongkah menambahkan lagi semangatnya untuk berjaya dalam bidang berkenaan kerana sudah memiliki beberapa pelanggan tetap yang membeli cendawan dikeluarkannya setiap hari, berbanding terpaksa menaja ke kedai pada peringkat awal dulu.

Katanya, cabaran sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini ialah apabila cendawan yang dihasilkan tidak dapat dipasarkan kerana banyak restoran tutup, dia terpaksa menghantar ke kedai.

"Menanam cendawan ini memang seronok, selain kos yang rendah kerana tanaman itu tidak memerlukan baja dan sebagainya, cuma dalam rumah simpanan perlu sentiasa berada dalam keadaan lembab dan ber-sil.

"Saya bercita-cita membesarkan lagi projek tanaman cendawan ini seterusnya menjadi pusat pengajaran kepada mereka berminat menceburi bidang ini," katanya yang mempunyai seorang anak perempuan berusia tujuh tahun.



Norita mengusahakan tanaman cendawan tiram di Kampung Cendering, Kuantan. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

## Kebun Kita sediakan petani akses pasaran

**PETALING JAYA** - Patriots Holding Sdn. Bhd. (Patriots Holding) melancarkan platform e-dagang terbaharu, Kebun Kita yang menawarkan akses pasaran kepada petani tempatan.

Platform tersebut bertujuan untuk menangani jurang perbezaan harga dalam industri makanan tempatan, selain membolehkan petani dan pekebun kecil menjual produk mereka secara terus kepada pengguna akhir ataupun perusahaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Patriots Holding, Jamalee Bashah berkata, antara sebab utama Malaysia belum berupaya mencapai paras sara diri untuk makanan asas adalah ketidakseimbangan antara bayaran yang diterima petani dan apa yang dibayar pengguna.

"Ini tidak sepatutnya terus berlaku kerana petani adalah tulang belakang sebenar industri makanan dan mereka sepatutnya memainkan peranan yang lebih besar dalam menetapkan harga di pasaran.

"Sekiranya golongan petani terus dihimpit kerugian dan menjadi mufis kerana tidak diberi kekuatan untuk meminta apa yang adil bagi mereka, negara pasti terus tidak memiliki

kemampuan untuk menyediakan sendiri sumber makanan untuk keperluan rakyat," katanya dalam satu kenyataan.

Jamalee menerangkan, antara ciri utama Kebun Kita adalah memberi peluang kepada petani menetapkan sendiri harga barang bagi memastikan mereka beroleh keuntungan, seterusnya mewujudkan situasi menang-menang bagi semua pihak.

Selain menjalin kerjasama dengan ladang dan pekebun kecil di beberapa negeri, Kebun Kita turut mewujudkan rangkaian gudang mikro atau hab mini di kawasan berkepadatan penduduk tinggi untuk penghantaran segera kepada pelanggan.

Buat masa ini, empat buah hab mini telah diwujudkan dan Patriots Holding menyasarkan jumlah tersebut akan bertambah kepada 10 buah menjelang akhir tahun.

Selain itu, Kebun Kita turut mewujudkan platform Borong@Kebun Kita bertujuan untuk pelanggan membeli secara pukal dan ahli turut ditawarkan kemudahan pembiayaan jangka pendek Beli Sekarang Bayar Kemudian dengan kerjasama IOUPay.



**HAB mini Kebun Kita di Petaling Jaya memudahkan pelanggan mendapatkan sayuran segar dari ladang.**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/10/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

## Ikan yu paus tarik perhatian

**KANGAR** : Selain ikan lumba-lumba, kemunculan ikan yu paus di perairan Kuala Perlis kebelakangan ini menarik perhatian memandangkan spesies unik berkenaan sememangnya sukar ditemukan.

Menariknya, dalam tempoh sebulan ini, ikan dengan anggaran berat 18 tan metrik itu sudah ditemukan sebanyak empat kali iaitu pada 6 September serta pada Sabtu, Ahad dan Isnin lalu oleh nelayan di sekitar perairan Tukun 400 Kuala Perlis di sini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengasas Pencinta Hijau dan Hidupan Liar Perlis (PNW), Syamil Abd. Rahman berkata, kehadiran ikan yu paus atau nama saintifiknya *Rhincodon typus* di perairan Kuala Perlis kebelakangan ini cukup mengagumkan.

Katanya, spesies yu paus merupakan ikan paling besar di dunia yang boleh membesar sehingga 12 meter panjang dengan berat boleh mencecah 21 tan metrik.

Malah katanya, ikan itu juga merupakan spesies paling lama pernah direkodkan berevolusi sejak jutaan tahun.

"Jangka hayat yu paus boleh mencecah sehingga 130 tahun dan hidup di perairan beriklim tropika pada suhu antara 25 hingga 30 darjah Celsius. Yu paus yang dirakamkan di Kuala Perlis ini sepanjang kira-kira '28 kaki' dipercayai berusia dewasa matang berdasarkan rujukan rekod penemuan saintis di kepulauan Andaman," katanya.

Tambah Syamil, difahamkan yu paus berenang dengan perlahan menghampiri permukaan dan boleh membuka mulut se-

lebar satu meter bagi menyedut udang, plankton dan ikan kecil dengan menapisnya menggunakan insang dalam memenuhi permintaan diet bariannya sekurang-kurangnya 20 kilogram sehari.

Namun katanya, disebabkan ia mempunyai insang dan mempunyai ratusan embrio untuk melahirkan anak pada satu-satu masa, ia tidak dikategorikan sebagai mamalia.

"Dengan kehadiran spesies lumba-lumba, spesies paus dan spesies yu paus sebagai pemangsa, Kuala Perlis dilihat merupakan antara perairan penting bagi laluan serta habitat hidupan laut yang lain," katanya.

Semalam, *Utusan Malaysia* melaporkan, keunikan serta keistimewaan Kuala Perlis yang menjadi tumpuan pelbagai spesies unik seperti ikan lumba-lumba dan yu paus perlu dimanfaatkan sebaik mungkin dengan menjadikan kawasan berkenaan sebagai produk pelancongan baharu.

Sebelum ini, pada 8 September lalu akhbar ini melaporkan, selain terkenal dengan julukan 'syurga makanan laut', Kuala Perlis juga istimewa apabila perairan di situ menjadi antara 'lubuk' atau tumpuan ikan lumba-lumba khususnya jenis *Indo Pacific Humpback*.

Meskipun perairan Kuala Perlis tidak seindah pantai-pantai lain seperti Langkawi atau sebagainya namun tetap menjadi 'pilihan' ikan lumba-lumba tersebut. Difahamkan sekitar 200 hingga 300 ikan lumba-lumba terdapat di perairan Kuala Perlis dengan musim kemarau di Perlis antara Disember hingga April,



**KEMUNCULAN** ikan yu paus di perairan Kuala Perlis kebelakangan ini menarik perhatian memandangkan spesies unik berkenaan sememangnya sukar ditemukan.

7/10/2021

SINAR  
HARIANNEGERI  
KELANTAN

24

## Kerajaan Kelantan dirayu bantu para peniaga pasar tani dan pasar malam

**KOTA BHARU** - Kerajaan negeri perlu meneliti kembali bantuan yang perlu diberikan kepada peniaga pasar tani dan pasar malam yang terjejas akibat pandemik Covid-19.

Yang Dipertua Persatuan Pengguna Islam Kelantan (PPIK), Datuk Seri Mohd Fared Abdul Ghani berkata, langkah tersebut amat penting memandangkan bantuan *one-off* (sekali beri) disifatkan tidak memadai untuk membantu mereka ketika ini.

"Bantuan *one-off* tidak membantu mereka sebab hanya sekali sahaja, sedangkan mereka sudah berapa lama tidak dibenar-

kan bermiaga. Mereka juga ada komitmen bulanan yang perlu dibantu.

"Ada juga dalam kalangan mereka yang tidak layak menerima bantuan lain yang disediakan kerajaan dengan alasan mereka mempunyai lesen perniagaan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), sedangkan perniagaan yang diusahakan secara kecil-kecilan sahaja," katanya ketika dihubungi pada Rabu.

Menurut Mohd Fared, pihaknya me-



**MOHD FARED**

nerima banyak rungutan mengenai pembukaan kembali sektor ekonomi lain tanpa melibatkan pasar tani dan pasar malam.

Beliau memberitahu, para peniaga yang terlibat semakin terhimpit sedangkan sektor lain sudah mula beroperasi dari masa ke masa walaupun Kelantan masih lagi berada di Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara

(PPN).

"Mereka (peniaga) ini mengadu tidak mampu bertahan lagi. Kalau boleh mereka

mahu kerajaan membenarkan mereka beroperasi dengan kadar yang paling minimum sekali gus dapat menampung komitmen bulanan dan sebagainya.

"Kalau tidak dapat beroperasi pun, bertalah mereka solusi lain supaya tidak terlahu terbeban dengan komitmen semasa. Bukan salah kerajaan sektor ekonomi tidak boleh dibuka, ia melibatkan angka semasa jangkitan Covid-19.

"Namun bertalah mereka inisiatif lain untuk mengurangkan bebanan yang dipikul mereka. Sekurang-kurangnya kita mendengar apa yang mereka huahkan dan bantu dengan kemampuan kita," ujarnya.

# Dakwaan vaksin agenda Yahudi tidak berasas

Oleh ZULKEFLI HUSSIN

**PASIR PUTEH:** Dakwaan pihak tertentu yang mengatakan vaksin Covid-19 sebagai sebahagian agenda Yahudi dianggap tidak berasas.

Ketua Dewan Uluak PAS Pusat, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, dakwaan itu tidak berasas kerana pihak terbabit tidak mampu memberikan sebarang bukti.

"Dakwaan kumpulan terbabit tidak perlu dilayan. Vaksin yang dihasilkan sekurang bagi mencegah dan mengurangkan gejala Covid-19 dan ia sudah dibuktikan di seluruh dunia.

"Sehingga sekarang tiada kaedah lain yang boleh dilakukan bagi membendung wabak tersebut selain

menggunakan vaksin yang ada," katanya kepada pemberita sempena program AIVAC Dos Kedua di Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Semerak di sini Jumaat lepas.

Malah kata beliau mengikut data yang ada sebanyak 95 peratus jumlah kematian akibat Covid-19 di seluruh negara membabitkan mereka yang enggan mengambil vaksin.

Rabu lepas Exco kerajaan Kelantan Dr Izani Husin mendedahkan terdapat 27,000 rakyat di negeri itu tidak mahu menerima vaksin kerana masalah kesihatan. Selain itu ada yang tidak memberi alasan munasabah.

Dr Nik Muhammad Zawawi yang juga Timbalan Menteri Pertanian dan In-

dustri Makanan 11 berkata, sebelum ini terdapat juga segelintir kakitangan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) enggan menerima suntikan vaksin.

Bagaimanapun katanya selepas diberi penjelasan tentang kebaikan vaksin akhirnya mereka menentu.

"Sehingga sekarang tiada lagi suara-suara sumbang yang cuba menghalang," katanya yang juga Ahli Parlimen Pasir Puteh.

Oleh itu beliau berharap semua pihak berganding bahu untuk memberi penjelasan mengenai kebaikan vaksin sebagai usaha bagi mencegah penularan wabak Covid-19.

Kata beliau juga kadar jangkitan harian di Kelantan sekarang antara negeri



Dr Nik Zawawi Salleh dan Wan Hassan Wan Ibrahim beramah mesra dengan penerima vaksin Covid-19.

yang masih tinggi. "Saya merayu penduduk Kelantan yang belum mendapatkan suntikan hendaklah segera berdaftar

tersebut sebanyak 544 pen-

duduk yang terdiri daripada petani, nelayan, peladang, orang awam dan pelajar

Pada program AIVAC berdaftar untuk menerima vaksin Covid-19.

# Penyelidik UPM **temui** vaksin cegah pneumonia biri-biri

**SERDANG:** Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) telah berjaya mengkomersilkan inovasi vaksin STVac7 semburan intranasal untuk kambing dan biri-biri bagi mencegah penyakit yang menyerang paru-paru atau pneumonia kepada kumpulan haiwan tersebut dengan nilai jualan paten RM4 juta kepada syarikat BIO-Angle VACS Sdn Bhd (BAV).

Penjualan paten Mannheimia Haemolytica Bacterial Polypeptides and Sequences, Gene Sequences and Uses Thereof (MY-176715-A) telah dimeterai melalui perjanjian tiga hala melibatkan UPM, UPM Innovation Sdn Bhd dan BAV yang disaksikan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pengajian Tinggi, Dr Mohd Zabri Yusoff.

Menurut Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman, permeteraian Perjanjian Penjualan Paten kepada pihak BAV merupakan nilai penjualan pengkomersilkan tertinggi yang dicapai oleh UPM setakat ini.

Kejayaan pengkomersilkan ini adalah hasil usaha sama antara Putra Science Park (PSP) UPM dan UPM Innovations yang juga merupakan anak syarikat UPM Holdings.

BAV kini dalam proses membina fasiliti bernilai RM8 juta untuk pengeluaran STVac7.

Fasiliti bakteria vaksin bertaraf GMP ini adalah yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara dan mampu membuat pengeluaran sehingga 300,000 botol dalam masa setahun.

Janya telah pun 80 peratus siap dan dijangka beroperasi sepenuhnya menjelang suku terakhir 2022 setelah mendapat persijilan dan akreditasi GMP daripada badan kawal selia tempatan.

BAV mensasarkan sebanyak 20 juta kambing dan bebiri iaitu bersamaan dengan 1 peratus daripada jumlah keseluruhan populasi kambing dan bebiri diseluruh dunia.

Melalui unjuran ini, BAV berpotensi untuk menjana pendapatan sebanyak USD80 juta setahun.

Hasil daripada kerjasama erat ini, BAV telah pun menandatangani perjanjian jual beli dengan dua syarikat luar negara untuk memasarkan 100,000 botol STVac7 ke negara China dan Nigeria.

Pasaran lain seperti India, Pakistan, Bangladesh, Mongolia, Senegal, Indonesia, Amerika



Vaksin STVac7 semburan intranasal untuk kambing dan biri-biri bagi mencegah penyakit yang menyerang paru-paru atau pneumonia.



Vaksin ini adalah untuk memperkukuhkan tahap ketahanan sistem badan pada sistem pernafasan.

Selatan kini dalam proses penilaian serta perbincangan dan bakal dimeterai kelak.

Menurut Pengarah PSP, UPM, Prof. Dato' Dr. Hair Bejo sangat komited dalam menghasilkan dan mengkomersilkan inovasi yang dapat memberi kebaikan kepada masyarakat dan negara.

Melalui penghasilan inovasi ini secara tidak langsung dapat memberi manfaat kepada ramai pihak serta meningkatkan kualiti kehidupan sejagat.

Vaksin STVac7 merupakan vaksin jenis semburan intranasal pertama bagi mencegah penyakit paru-paru atau pneumonia yang menyerang kambing dan biri-biri.

Projek yang diketuai oleh Prof. Dr. Mohd Zamri Saad dari Fakulti Perubatan Veterinar (FPV), UPM menerangkan vaksin yang dibangunkan ini mampu

memberikan lebih 90 peratus perlindungan terhadap penyakit pneumonia yang disebabkan oleh virus Pasteurella haemolytica.

Virus Pasteurella haemolytica adalah bakteria yang menyebabkan "mannheimiosis" atau jangkitan radang paru-paru dalam kalangan kambing dan biri-biri dan ia merupakan penyakit biasa yang boleh menyerang 60 peratus populasi kambing dan bebiri di dunia.

Seterusnya, mengakibatkan

kerugian ekonomi yang besar kepada industri ruminan kecil di seluruh dunia.

Vaksin yang sedia ada bagi mencegah penyakit itu merupakan vaksin import dan dihasilkan daripada jenis asing dan diberi secara suntikan intraotot kepada kambing dan biri-biri.

Vaksin jenis itu didapati bukan sahaja tidak berkesan, tetapi mahal.

Menurut Prof. Dr. Mohd Zamri

Saad, vaksin STVac7 dicipta dengan menggunakan bakteria terpelici tempatan yang didapati mampu memberi perlindungan daripada jangkitan bakteria "Mannheimia haemolytica" A2, A7 dan A9.

Ini terbukti memberi perlindungan yang lebih berkesan untuk menangani penyakit tersebut.

Memandangkan sistem pernafasan merupakan kaedah utama jangkitan berlaku, maka konsep vaksin ini adalah untuk memperkukuhkan tahap ketahanan sistem badan pada sistem pernafasan.

Pemberian vaksin ini secara semburan pada hidung memberi perlindungan kepada sistem pernafasan kambing dan biri-biri secara setempat dan sistemik.

Dengan ini meningkatkan kadar keberkesanan proses vaksinasi. Kaedah ini turut memendekkan 80 peratus masa pemvaksinan.

Ujian yang dijalankan oleh pihak FPV dengan kerjasama daripada pihak BAV, hasil dapatan kajian lapangan dan kajian klinikal, jika vaksin tersebut digunakan mengikut protokol yang disyorkan, ia mampu mengurangkan kadar mortality (kadar kematian) sehingga 3-5 peratus dan tidak memerlukan tempoh penarikan sebelum proses penyembelihan.

Turut hadir bagi menyempurnakan sesi penjualan paten ini ialah Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman, Pengerusi BIO-Angle VACS Sdn Bhd, Datuk Dr. Mohd Daud Bakar, dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan UPM Innovations Sdn Bhd, Azrul Reza Aziz.



Komited dalam menghasilkan dan mengkomersilkan inovasi yang dapat memberi kebaikan kepada masyarakat dan negara.